

 <b>MDBG</b>	<b>MAJLIS DAERAH BATU GAJAH</b> <b>JALAN HAJI ABDUL WAHAB,</b> <b>31000 BATU GAJAH.</b>	
	<b>SYARAT – SYARAT LESEN IKLAN</b>	
	<b>Syarat-Syarat/JP-MDBG/LI</b>	<b>No. Telefon</b> 05-3632020-3632030
		<b>No. Fax</b> 05-3665930
<b>E-mail</b> pelesenan@mdbg.gov.my		

**JABATAN PELESENAN**

1. Tuan/Puan tidak dibenarkan sama sekali melakukan apa jua pindaan kepada iklan yang diluluskan samada dari segi bahasa, jenis ataupun ukuran tanpa terlebih dahulu memperolehi kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.
2. Lesen hendaklah dipamerkan pada setiap masa di sesuatu tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan tuan / puan dan hendaklah mengemukakan lesen itu jika dikehendaki berbuat demikian oleh mana-mana Pegawai Majlis Daerah Batu Gajah yang berkuatkuasa meminta lesen dikemukakan.
3. Lesen iklan tuan/puan tidak boleh dipindahmilik kepada orang lain atau syarikat lain tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua Majlis Daerah Batu Gajah.
4. Pengiklanan tidak boleh dijalankan di tempat-tempat lain selain daripada yang dinyatakan pada **Borang B**.
5. Pelesen hendaklah mematuhi segala arahan yang dikehendaki oleh Pegawai Berkuasa Majlis Daerah Batu Gajah dari masa kesemasa samada secara lisan ataupun bertulis.
6. Lesen ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa jika syarat-syarat di bawah **Undang-Undang Kecil Iklan (MDKB) 1986** tidak dipatuhi.
7. Pihak tuan/puan dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis daripada pemilik premis/hartanah (persendirian) dimana kain rentang akan dipasang/dipamerkan.

**ARAHAN :-**

**YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**